

Pelajar berakhlak tentukan kejayaan

ERNEDA PASOLA

GAMBANG - Keperibadian dan akhlak pelajar adalah cermin kepada gaya hidupnya seterusnya menentukan kejayaan dan kegagalannya dalam menghadapi kehidupan yang serba mencabar dan.

Pakar motivasi yang juga pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Haslinda Hashim berkata konsep dakwah moden yang menerapkan nilai-nilai murni Islam berupaya membimbing dan melahirkan pelajar berakhlak.

"Dakwah moden yang diterapkan mestilah sesuai dengan kehadiran pelajar bukan Islam kerana setiap

agama menyuruh pengikutnya berakhlak dan berkeperibadian unggul.

"Pelajar yang berakhlak dapat mengatur kehidupannya dengan baik serta dapat membahagikan masa dan mempunyai matlamat untuk berjaya di dunia dan akhirat," katanya selepas menamatkan sesi motivasi di Dewan I UMP semasa karnival kerjaya, kelmarin.

Motivasi yang bertajuk Pilihan saya ini melibatkan enam buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Semambu, SMK Chini, SMK Gudang Rasau, SMK Cenderawasih, SM Sains Sultan Haji Ahmad Shah dan SMK Ahmad.

"Motivasi ini adalah



Antara rda buah yang menyertai kem motivasi bersebelahan berhadapan dengan enam buah sekolah a pakar motivasi, Haslinda Hashim.

satu inisiatif dalam usaha memberikan pendedahan penting berkaitan dengan pemilihan arah hidup oleh pelajar sama ada untuk menjadi pelajar yang berjaya ataupun pelajar yang gagal kerana tidak dapat membina jati diri yang tinggi sehingga terpengaruh dengan akhlak yang tidak bermoral.

"Selain itu aktiviti ini dapat juga meningkatkan keyakinan di kalangan pe-

lajar tingkatan lima dan empat untuk berhadapan dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mana menentukan matlamat kerjaya mereka masing-masing."

Haslinda Hashim berkata motivasi yang melibatkan seramai 250 pelajar ini diharapkan dapat memberikan bimbingan dan panduan dalam menyiapkan diri untuk menghadapi masa hadapan.



Pelajar yang berakhlak dapat mengatur kehidupannya dengan baik serta dapat membahagikan masa dan mempunyai matlamat untuk berjaya di dunia dan akhirat."

UMP, Haslinda Hashim

■ Pensyarah